



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### SIARAN MEDIA

#### **SEMINAR ASEAN OUT-OF-SCHOOL CHILDREN AND YOUTH PERKUKUH KOMITMEN MALAYSIA TERHADAP USAHA TANGANI CABARAN KECICIRAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN MURID**

KUALA LUMPUR, 1 November – Kementerian Pendidikan (KPM) dengan sokongan dan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia telah menganjurkan Seminar ASEAN *Out-of-School Children and Youth* pada 28-30 Oktober 2025.

Bertemakan "*From Margin to Center: Bridging Out-of-School Children and Youth (OOSCY) Intersectionalities through Innovative Solutions*" seminar ini telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Seminar ini dianjurkan bertujuan memperkukuh komitmen Malaysia terhadap usaha menangani cabaran sistemik dan kompleks yang dihadapi oleh kanak-kanak dan belia terpinggir di rantau ASEAN. Ia adalah tindakan susulan daripada persetujuan Langkawi *Joint Statement* yang merupakan hasil persidangan meja bulat antara Menteri Pendidikan ASEAN pada bulan Jun lalu.

Seramai lebih 100 peserta telah menyertai seminar ini terdiri daripada negara anggota ASEAN, Mongolia, China, India serta rakan strategik seperti UNICEF, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), dan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO).

Antara tumpuan utama seminar adalah kepada strategi inovatif yang berasaskan data dan bukti untuk menangani isu kanak-kanak dan belia yang tidak bersekolah.

Turut diberikan penekanan adalah pengukuhan kerjasama dan integrasi teknologi canggih, khususnya kecerdasan buatan, untuk meningkatkan kualiti data dan menyokong program intervensi yang berimpak tinggi. Manakala aktiviti *Children's Co-Lab* dilaksanakan bagi memperkasakan suara dan pandangan murid.

Menteri Pendidikan telah melancarkan Sistem Pengesanan Murid KPM-SiPKPM. Sistem yang menggunakan analitik ramalan ini digunakan untuk mengenal pasti laluan pembelajaran dan kerjaya yang diperibadikan bagi murid berisiko atau yang telah tercicir, sekali gus mengukuhkan komitmen Malaysia terhadap strategi pengekalan dan pengintegrasian semula berasaskan data.

Penganjuran seminar ini menyerlahkan iltizam semua pihak untuk menangani isu keciciran murid dan memastikan peluang pendidikan yang berkualiti untuk semua.

## **TAMAT**

Gambar boleh didapati dipautan berikut:

[https://drive.google.com/drive/folders/1at9Tn5RhloF\\_AeAAat0Ur9ZSayDSmjakX?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1at9Tn5RhloF_AeAAat0Ur9ZSayDSmjakX?usp=sharing)